

Karya bahasa rojak jejas jati diri generasi muda

B/HARIAN 7/3/2019

MS 60

➔ Pemilihan bahan bacaan berkualiti galak pembaca berfikiran aras tinggi

Oleh Nurhafizah Maidin
bhsastera@bh.com.my

▀ Kuala Lumpur

Lambakan karya popular yang menggunakan bahasa rojak, termasuk berunsur khidmat pesanan ringkas (SMS) dan slanga, boleh menjejaskan kemurnian bahasa Melayu.

Apatah lagi karya yang menggunakan bahasa Melayu secara tidak tepat itu, mendapat sambutan generasi muda.

Sasterawan Negara (SN), Datuk Dr Anwar Ridhwan, berkata generasi muda ialah golongan paling banyak membaca, sekali gus menjadi penentu moral bangsa dan masa depan negara.

“Jika generasi muda tidak terbiasa dengan penggunaan bahasa Melayu yang betul, ia akan terbawa-bawa dalam kehidupan mereka.

“Sedangkan mereka pemimpin masa hadapan yang akan mengambil alih pentadbiran negara,” katanya kepada BH, di sini.

Anwar berkata, nasib bangsa dan bahasa ibunda sebenarnya terletak di tangan mereka, sekali gus memerlukan ia dijaga dan dipelihara sebaik mungkin.

Martabat bahasa ibunda

Beliau berkata, karya terbitan badan kerajaan seperti Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) sangat menitikberatkan penggunaan bahasa yang tepat.

Katanya, penekanan bahasa Melayu itu demi memastikan martabat bahasa ibunda terjamin dan tidak tercemar.

“Karya yang diterbitkan DBP biasanya sangat menjaga aspek kebahasaan disebabkan karya sastera menggunakan bahasa kreatif, betul dan indah.

“Bagaimanapun, masih ada ruang untuk menggunakan bahasa praktikal dan realistik untuk situasi tertentu tetapi ia dibuat dalam bentuk dialog,” katanya.

Anwar mengakui masyarakat terutama generasi muda lebih memilih karya yang santai dan ringan sebagai bahan bacaan utama.

Katanya, karya serius yang dikaitkan dengan fungsi intelektual dan estetika kurang



Jika generasi muda tidak terbiasa dengan penggunaan bahasa Melayu yang betul, ia akan terbawa-bawa dalam kehidupan mereka”

Anwar Ridhwan,
Sasterawan Negara

mendapat sambutan berbanding karya popular.

“Penerbit karya popular tahu dan faham minat serta kemahuan generasi muda hingga memilih untuk menerbitkan karya secara indie dan berunsurkan urban sesuai dengan jiwa mereka.

“Mereka pandai menyesuaikan tema, persoalan, watak dan bahasa sesuai dengan selera generasi muda yang mahu naratif lebih ringkas dan mudah.

Kesedaran masyarakat

“Ia tidak sepatutnya berlaku kerana masih ada (cara menerbitkan) karya ringan sesuai dibaca untuk remaja, tetapi masih menggunakan bahasa lebih tersusun dan betul,” katanya.

Dalam konteks penerimaan masyarakat terhadap karya sastera, Anwar mengakui ia kurang mendapat sambutan, termasuk buku yang memenangi anugerah pada peringkat kebangsaan.

“Saya berharap timbul kesedaran dalam masyarakat untuk memilih bahan bacaan yang terbaik.

“Karya terbaik menggunakan bahasa baik dan mempunyai falsafah, tujuan atau mesej yang dapat membuka fikiran, sekali gus menggalakkan pembaca berfikiran aras tinggi,” katanya.